



# KOPI PAHIT

Kali ini ruangan ini mengambil sempena menyambut puasa. Marilah bersama-sama kita berpuasa dan berdoa semoga puasa kita diterima Tuhan. Mudah-mudahan orang-orang yang menyeru orang kepada berbuat baik – ia sendiri dahulu membuat kebaikan itu – jangan menulis menyeru orang berpuasa dan menasihati orang – di pejabat dan di meja pengarang sendiri tidak tabik kecuali makan dan minum. Berkata tetapi tidak beramal bung!

\* \* \*

Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu Encik Abdul Rahman Talib mengatakan bahawa sangat mustahak anak-anak diberi pelajaran agama. Semua orang tahu hal ini. Hanya yang sukar ialah mengamalkannya sahaja. Di dalam sekolah-sekolah, sejarah agama tidak dijadikan bacaan am supaya murid-murid mengetahuinya tetapi bacaan yang diutamakan di dalam sukatan pelajaran sekolah nampaknya perkara agama Islam hanya sedikit benar. Dengan adanya cara ini diharap benar menteri pelajaran itu lebih banyak beramal daripada berkata-kata tentang agama – iaitu membanyakkan bacaan-bacaan mengenai agama mustahak diutamakan daripada mengkaji sastera.

\* \* \*

Orang-orang yang tidak puasa dan makan di jalan di Selangor akan ditangkap oleh pegawai-pegawai agama dengan bantuan polis. Adakah dengan tangkapan ini akan mengurangkan orang-orang yang tidak puasa? Jawabnya tentu tidak! Kerana itu kalau hanya itu sahaja tidaklah berfaedah tetapi di dalam usaha-usaha lain untuk menghidupkan jiwa tauhid perlu digalakkan supaya orang takut kepada Allah! Sedangkan pemimpin-pemimpin

sendiri khabarnya banyak yang ‘alim dalam bulan puasa tetapi di lain waktu hentam kromo – membujur lalu melintang patah. Sebabnya? Kerana tauhidnya tak mendalam – agamanya ikut-ikutan sahaja bung!

\* \* \*

Kerajaan Singapura telah mengusahakan beras dan kurma untuk pulau-pulau selatan, di dalam mana dahulunya mereka kalah dalam pilihan raya. Langkah ini disyukuri dan tentu menggembirakan tetapi orang lain pihak, yang keadaan hidupnya hampir serupa dengan itu terasa di anak tirikan - tidakkah ini mustahak diperhatikan?

\* \* \*

Di dalam suatu majlis, seorang yang terkemuka dan hartawan dikatakan telah bangun berkata meriwayatkan bahawa ia telah meriwayatkan lawatannya ke dalam sebuah penjara – ia berduka cita melihat tikar-tikar sembahyang orang-orang Islam telah buruk. Kemudian ia berpeluang pula melihat tempat ibadah orang-orang Kristian di situ yang tempatnya sangat baik dan bertikar hambal yang mahal harganya. Pendengar-pendengar hanya tersenyum dan berfikir – mengapa ia tidak mau mengorbankan bantuannya? Bukankah masa sekarang banyak berkata tidak ada gunanya. Beramal bung lebih bagus!

\* \* \*

Di Persekutuan sekarang peraduan membaca *al-Qur'an* telah diadakan. Yang demikian ini diadakan dengan galakan Tengku Abdul Rahman Putra al-Haj. Ini tentunya disyukuri! Dengan adanya ini diharap pula Tengku melangkah selangkah lagi supaya mengadakan peraduan mengkaji maksud sesuatu ayat yang menyuruh berjihad kepada jalan Allah dan mengkaji ayat supaya tiap-tiap pemeluknya apabila diserukan kepada jalan Allah tidak lain katanya “kami dengar dan kami taat!” Bagaimana Tengku?

- Cemeti al-Farouk